

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini pada dasarnya tiada halangan terhadap permohonan tersebut sebagaimana Pelan Susunatur No. JSS.KJ/2019/220/KM 2 dan Pelan Kejuruteraan No. L&O/19006/EW/01 hingga 03, RD/01A, 02A, 03, 04 & 05A ***(sesalinan pelan tersebut dilampirkan).**

3. Sehubungan dengan itu, pihak pemohon dan Jurutera Perunding Ir. Lee Song Fatt (Lee & Oii Perunding Sdn Bhd) hendaklah mematuhi dan bertanggungjawab sebagaimana syarat-syarat **(Perkara 1, 3, 5, 6, 8 hingga 18 sahaja perlu dipatuhi)**

SYARAT-SYARAT

PERMOHONAN SERENTAK KEBENARAN MERANCANG KERJATANAH/JALAN/PERPARITAN

1. Bayaran Sumbangan Saliran sebanyak RM 5,000/ekar (Majlis Daerah) / RM 10,000.00/ekar (Majlis Bandaraya & Perbandaran) sebagaimana Pekeliling PTG. Johor Bil.2/2017 hendaklah dijelaskan kepada Pejabat Tanah Daerah.
2. Rizab Sungai/Parit _____ selebar ____ meter hendaklah diserahkan bagi penyelenggaraan dimasa akan datang.
3. Semua perparitan dalaman hendaklah direkabentuk tidak kurang daripada 5 ARI.
4. Pembangunan ini hendaklah dilengkapi dengan kemudahan OSD (On Site Detention) Berpusat yang rekabentuknya berdasarkan 10 ARI. Semua air larian permukaan untuk kawasan tapak projek ini hendaklah disalurkan ke dalam OSD Berpusat ini, sebelum disalurkan ke dalam parit tepi jalan. Sekiranya, OSD Berpusat dibina didalam bangunan, pihak Majlis hendaklah memastikan ianya ditunjukkan dalam pelan bangunan sebelum diperakukan.
5. Pembangunan ini hendaklah dilengkapi dengan kemudahan Kolam Takungan Air yang rekabentuknya berdasarkan 50 ARI.
6. Rantaian perparitan utama yang menuju ke KTA hendaklah direkabentuk berdasarkan 50 ARI.
7. Sistem saluran tapak ini akan disalurkan ke dalam Kolam Takungan Air berhampiran yang telah diluluskan sebelum ini.
8. Satu tapak OSD (On Site Detention) Berpusat / Kolam Takungan Air seluas **0.796** ekar sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan Susunatur No. **JSS.KJ/2019/220/KM 2** dan diserahkan kepada Kerajaan untuk dirizabkan.
9. Bertanggungjawab diatas kesesuaian aras-aras rekabentuk dan kecukupan muatan, keselamatan, kestabilan tebing/cerun serta pembinaan keseluruhan sistem saluran/OSD Berpusat/Kolam Takungan Air, struktur-struktur saluran dan parit keluar/struktur outlet yang dicadangkan untuk kawasan tapak cadangan ini.
10. Bertanggungjawab dan memastikan bahawa cadangan aras-aras dasar parit sistem saluran/parit keluar serta aras-aras pembentukan tanah tebing-tebing parit yang direkabentuk bagi kawasan cadangan pembangunan ini tidak akan menimbulkan masalah banjir dikawasan tapak projek dan juga masalah kepada sistem perparitan sediaada dikawasan-kawasan sekitarnya. Semua perparitan dalaman hendaklah

direkabentuk tidak kurang daripada 5 ARI manakala rangkaian perparitan utama yang menuju ke OSD Berpusat/Kolam Takungan Air hendaklah ditrekabentuk berdasarkan 50 ARI.

11. Memastikan keupayaan rangkaian perparitan sediada yang menerima saliran tapak projek ini adalah mencukupi. Tanggungjawab pihak pemohon untuk menaiktaraf rangkaian perparitan sediada jika didapati keupayaannya tidak mencukupi. Pihak JPS tidak akan bertanggungjawab untuk mengadakan apa-apa projek mencegah banjir di kawasan ini setelah dibangunkan nanti.
12. Bertanggungjawab diatas rekabentuk, kestabilan, keselamatan, kesesuaian serta pembinaan cerun-cerun/tembok penahan yang dicadangkan untuk kawasan tambakan/potongan tapak cadangan pembangun ini. Pemaju juga hendaklah memastikan bahawa cerun-cerun tambakan/potongan tanah ini tidak termasuk dalam tanah-tanah lot persendirian bersebelahannya, kecuali mendapat kebenaran daripada tuan-tuan punya tanah lot yang terlibat. Kawasan cerun juga dilarang termasuk dalam mana-mana rizab sungai/parit yang dipersetujui dalam kawasan cadangan pembangunan ini. Semua permukaan tanah yang terdedah hendaklah ditanam dengan rumput secara rapat (Close Turfing).
13. Bertanggungjawab diatas pelaksanaan ESCP (Erosion Sediment Control Plan) sebagaimana berikut:-
 - i) Memastikan kesesuaian cadangan ESCP dan mengadakan langkah-langkah kawalan hakisan dan pemendapan sebagaimana yang dicadangkan dalam pelan-pelan ESCP yang diluluskan oleh Jabatan ini.
 - ii) Pelan-pelan ESCP ini hendaklah sentiasa dipamerkan dalam pejabat tapak pihak pemaju dan pihak majlis hendaklah memastikan bahawa pelan-pelan ESCP tersebut telah dirujuk dan diikuti oleh pihak kontraktor pemaju semasa menjalankan peringkat kerjatanah nanti.
 - iii) Bertanggungjawab untuk memulihkan keadaan rangkaian parit-parit asal yang sediada di persekitarannya, (yang mana saliran daripada kawasan tapak projek pembangunan ini mengalir ke dalamnya) kepada keadaan asalnya sekiranya kejadian ketohoran parit berlaku akibat kerjatanah yang tidak dijalankan dengan sempurna oleh pihak kontraktor pemaju.
 - iv) Pihak Jabatan ini perlu dirujuk sekiranya terdapat pindaan-pindaan yang dicadangkan pada pelan-pelan ESCP ini yang telah diluluskan oleh pihak Jabatan ini. Sediment Fence juga hendaklah disediakan dikawasan-kawasan bersebelahan dengan sungai/parit sedia ada dan juga kawasan-kawasan sempadan dengan tanah-tanah bersebelahannya yang mana-mana tanah sedia ada adalah lebih rendah daripada aras pembentukan kawasan tapak projek ini. Pihak Majlis hendaklah sentiasa membuat pemantauan terhadap kerjatanah yang dijalankan dan mengeluarkan surat memberhentikan kerjatanah projek ini dengan serta merta sekiranya pihak pemaju didapati gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan yang diberikan.
 - v) Memeriksa dan memastikan dari masa kesemasa BMP-BMP ini berfungsi dengan baik dan hendaklah membuat pemantauan semua BMP yang telah dicadangkan. Sentiasa menyelenggarakan BMP ini supaya tidak menimbulkan masalah banjir lumpur, pencemaran dan sebagainya kepada kawasan-kawasan persekitaran cadangan projek pembangunan ini.

14. Kawasan tapak projek ini juga hendaklah disediakan satu Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) (Rainwater Harvesting) masing-masing untuk memanfaatkan kegunaan sumber air kearah pembangunan mampan.
15. Semua rekabentuk hendaklah mengikut garispanduan sebagaimana dalam Manual Saliran Mesra Alam (Edisi 2).
16. Pihak tuan hendaklah memastikan bahawa surat pengesahan daripada pihak Jabatan ini telah diperolehi terhadap sistem perparitan tapak projek ini yang telah siap bina nanti, sebelum membenarkan CCC dikeluarkan untuk projek pembangunan ini.
17. Pihak Majlis juga hendaklah mengeluarkan surat memberhentikan kerja pembinaan projek ini dengan serta merta sekiranya pihak kontraktor pemohon didapati gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan ini.
18. Pegawai daripada Jabatan ini berhak memasuki kawasan tapak permohonan pada bila-bila masa bagi menjalankan pemeriksaan untuk memastikan syarat-syarat dari Jabatan ini dipatuhi.

Sekian terima kasih.

** Nota : Pelan susunatur dan pelan saliran/kejuruteraan yang dikemukakan secara "hard copy" ke Jabatan ini adalah pelan yang diperakukan.*